

# EKONOMI ORANG MELAYU DI MELAKA, 1786-1914

---

Sivachandralingam Sundara Raja

## Pengenalan

Artikel ini adalah satu kajian awal untuk memperinci aktiviti ekonomi orang Melayu di Melaka sejak British menguasai Pulau Pinang pada 1786. Penguasaan Pulau Pinang mempunyai kesan ke atas aktiviti pedagang Melayu di Melaka dan juga di Kepulauan Melayu. Kehadiran kuasa British juga menyaksikan peralihan aktiviti ekonomi orang Melayu dari kegiatan perdagangan kepada pertanian. Artikel ini juga akan mengesan usaha-usaha yang diambil oleh British untuk menghalang penduduk Melayu Melaka terlibat dalam aktiviti ekonomi bersifat komersil pada penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20.

## Definisi Orang Melayu Dalam Konteks Melaka

Sebelum diperdalam aktiviti ekonomi penduduk Melayu Melaka, adalah perlu untuk diketahui siapakah itu orang Melayu? Mengikut Andaya dalam *A History of Malaysia*, Melayu adalah mereka yang beragama Islam dan bertutur dalam bahasa Melayu.<sup>1</sup> Muhammad Yusoff Hashim dalam bukunya *Kesultanan Melayu Melaka* mengkategorikan orang Melayu Melaka kepada dua kumpulan, pertama bumiputera Melayu, iaitu Melayu tempatan dari Melaka dan kedua dari Nusantara.<sup>2</sup> Ini bererti orang Melayu tersebut

termasuk juga mereka yang berasal dari Kalimantan, Kepulauan Indonesia dan Filipina. Hal ini dijelaskan dengan menarik oleh Abdul Maulud Yusof dalam makalahnya berjudul "Commerce and Social Change Among Nusantara Malays". Menurutnya,

"Nusantara Malays are the indigenous groups which have populated the present Malay Peninsula, Kalimantan, the Islands of Indonesia and the Philippines. Before the arrival of the Hindu, Islamic and Christian faiths, the Nusantara Malays were a cultural entity, thriving in ports and inland settlements".<sup>3</sup>

### **Perdagangan Di Kepulauan Melayu Sebelum Kedatangan Kuasa Barat**

Pada zaman sebelum kemunculan kuasa-kuasa Eropah, perdagangan menjadi aktiviti utama penduduk Kepulauan Melayu. Mulai abad ke-14, lima zon perdagangan telah muncul di Asia Tenggara.<sup>4</sup> Zon pertama mewakili rangkaian perdagangan Teluk Bengal yang bermula di pantai Coromandel, Selatan India dan meliputi Sri Lanka, Burma, utara Semenanjung Tanah Melayu serta utara dan pantai barat Sumatera. Zon perdagangan kedua ialah Selat Melaka. Kawasan ini menjadi zon perdagangan Melayu yang penting pada abad ke-15. Zon perdagangan ketiga meliputi pantai timur laut Semenanjung Tanah Melayu dan pantai selatan Vietnam, wilayah yang bersempadan dengan Teluk Siam.

Kawasan laut Sulu pula mewakili zon perdagangan keempat. Daerah-daerah yang mewakilinya termasuk pantai barat Luzon, Mindoro, Cebu dan Mindanao di Filipina dan pantai utara Borneo. Kesemua kawasan ini berfungsi sebagai penghubung perdagangan antara China dan pulau-pulau rempah di Asia Tenggara. Pulau-pulau rempah ini menjadi pengeluar hasil pertanian seperti buah pala, bunga cengkoh, cendana dan hasil pertanian lain yang dihantar melalui laut Sulu ke China dan Thailand di utara, Jawa dan Melaka di barat. Rangkaian Laut Jawa mewakili zon perdagangan kelima, ia meliputi kepulauan Selat Sunda, Kepulauan Maluku, Banda, Timor, pantai barat Borneo, Jawa dan pantai selatan Sumatera.<sup>5</sup>

Kesemua pelabuhan yang terletak dalam zon-zon perdagangan ini, seperti Melaka, Aceh, Pasai, Bantam, Makasar, Ayudhya dan pelabuhan-pelabuhan lain telah mengalami kepesatan dalam perdagangan dan berjaya menarik para pedagang dari Timur dan Barat dan berfungsi sebagai pusat politik, ekonomi dan sosial.

Menurut Anthony Reid, abad ke-15 -17 Masihi adalah zaman "age of commerce" kerana tiga perubahan utama berlaku pada waktu ini. Pertama pertembungan dengan kuasa Eropah, kedua, pengislaman dan ketiga, zaman dominasi kerajaan-kerajaan seperti Ayudhya, Aceh, Melaka dan Mataram. Menurut pengarang, ketiga-ketiga perubahan ini membawa kepada perubahan agama, pertumbuhan bandar, pembentukan negara dan penglibatan negara-negara berkenaan dalam perdagangan.<sup>6</sup> Perubahan agama berlaku apabila pemerintah menerima Islam. Ini dapat dilihat di beberapa negeri di Kepulauan Melayu seperti Melaka, Sumatera, Brunei dan Patani. Zaman keagungan Islam dapat disaksikan apabila Iskandar Thani memeluk Islam pada 1636.

Pertumbuhan bandar juga merupakan satu lagi ciri yang menarik pada zaman ini. Penduduk Ayudhya, Pegu, Hanoi, Demak dan Melaka dikatakan melebihi 50 ribu orang pada awal abad ke-16. Manakala Aceh, Banten, Surabaya dan Makasar mempunyai penduduk seramai ini pada pertengahan abad ke-17. Pembentukan negara merupakan satu lagi perubahan pada zaman ini. Dikatakan pada zaman perdaganganlah terbentuk negara dalam ertikata sebenar. Kekuasaan negara-negara ini pula terletak pada kekuatan ketenteraan yang terhasil daripada perdagangan.

Kesemua perubahan yang dinyatakan oleh Anthony Reid dapat dilihat di Melaka. Melaka telah berperanan sebagai pelabuhan entrepot, iaitu mengumpul dan mengagihkan barang dari Timur Tengah, India, China dan Kepulauan Melayu. Melaka adalah salah sebuah pelabuhan abad ke-15 yang mengamalkan dasar perdagangan dan pelabuhan bebas. Dasar perdagangan bebas terlihat daripada kemudahan-kemudahan perkapalan yang disediakan untuk pedagang asing dan tempatan, keselamatan yang diberikan kepada para pedagang di pelabuhan, sistem kehakiman yang baik serta sistem mata wang dan ukuran yang seragam. Semua kemudahan ini memungkinkan perdagangan berkembang dengan pesat dan bebas.

Kedudukannya sebagai pelabuhan bebas pula terlihat dari kebenaran yang diberikan kepada pedagang-pedagang asing untuk mengunjungi pelabuhan ini dan sistem percukaian adil yang dikenakan kepada mereka. Pedagang tempatan dikenakan cukai sebanyak 3% manakala pedagang asing 6%.<sup>7</sup> Kerajaan Melaka juga dikatakan mempunyai *Maritime Code* (Kanun Laut) yang maju. Raffles menganggap Kanun Melaka sebagai yang terbaik dan menjadi pilihan kebanyakan negeri lain. Kanun ini digubal pada zaman Sultan Mahmud Shah (1424-44) dan ia adalah undang-undang yang dikuatkuasakan ke atas kapal, jongkong dan perahu. Kandungan kanun ini bersabit dengan pegawai-pegawai yang mengendalikan

perahu, pengutipan cukai, hukuman ke atas individu yang membuat kesalahan dalam perahu, sikap tidak menghormati nakhoda dan sebagainya.<sup>8</sup>

### Penguasaan Melaka oleh Portugis serta Belanda dan Nasib Pedagang Melayu

Penguasaan Melaka oleh Portugis pada 1511 telah menjasakan budaya perdagangan bebas yang diamalkan oleh pedagang-pedagang Melayu. Portugis memaksa kapal-kapal singgah di Melaka untuk membayar cukai; cukai sebanyak 10% dikenakan untuk barang dari negara China dan 8% untuk barang dari Teluk Bengal. Pedagang juga dimestikan mendapatkan surat izin untuk berdagang di Melaka. Dasar monopoli perdagangan dan cukai yang tinggi menyebabkan pedagang tidak puas hati dan ramai yang berpindah ke Aceh dan Pedir.

Keadaan bertambah buruk apabila Belanda menguasai Melaka pada 1641. Pelbagai dasar monopoli diperkenalkan dan ia tidak disenangi oleh pedagang tempatan yang telah biasa dengan ciri-ciri perdagangan bebas. Belanda mengawal barang utama yang diimport dan dieksport dari Melaka dengan tujuan untuk menetapkan harga jualan barang berkenaan. Belanda menguasai monopoli ke atas barang seperti lada hitam, rempah-ratus, kayu cendana, timah dan pelbagai jenis kain. Duti sebanyak 10% dikenakan ke atas barang yang diimport dan 5% ke atas barang eksport. Duti ini lebih tinggi daripada yang dikenakan oleh Portugis. Semua pedagang yang singgah di pelabuhan-pelabuhan Kepulauan Melayu dipaksa singgah di Melaka untuk menjalankan urusniaga mereka; mengikat perjanjian ekslusif dengan pemerintah-pemerintah Melayu di Negeri-negeri Melayu untuk menjual hasil negeri mereka, khususnya bijih timah kepada Belanda pada harga yang ditetapkan dan menghadkan urusan perdagangan dengan pedagang-pedagang India.<sup>9</sup>

Menurut Barbara Watson Andaya, pada zaman Belanda, komuniti Melayu di Melaka tertumpu di bahagian Selatan pelabuhan Melaka dan dalam daerah yang dikenali Bandar Ilir. Sebahagian besar orang Melayu menetap di luar bandar khususnya di kampung-kampung di sepanjang pesisiran pantai dan sungai.<sup>10</sup> Dalam pembancian yang dilakukan oleh Belanda, mereka membahagikan penduduk Melaka kepada 3 kelompok iaitu Melayu, Jawa dan Bugis. Penduduk Melayu pada 1677 dianggarkan seramai 515 orang dan meningkat kepada 5,000 pada 1736. Sebahagian besar daripada mereka terlibat dalam kegiatan menangkap ikan dan menanam padi. Belanda yang menjalankan dasar monopoli tidak membenarkan

orang Melayu mengeksport hasil tanaman padi untuk tujuan keuntungan. Ia mesti dijual di Melaka pada harga yang ditetapkan oleh pegawai Belanda.<sup>11</sup>

Ada juga orang Melayu yang terlibat dalam perdagangan tetapi bilangannya tidak ramai.<sup>12</sup> Ahmad Jelani yang menjalankan kajian tentang aktiviti perdagangan di Melaka pada zaman Belanda mempunyai tafsiran yang berbeza tentang hal ini. Berdasarkan sumber-sumber Belanda, beliau dapati pada zaman ini kapal-kapal yang memainkan peranan utama menghidupkan pelabuhan Melaka sebagai pelabuhan entrepot adalah perahu-perahu nusantara samada yang dikendalikan oleh nakhoda-nakhoda Melayu, Bugis, Aceh atau Cina. Merekalah yang membawa hasil dagangan dari kawasan sekitar Selat Melaka untuk dijualkan di Melaka dan membawa barang Melaka untuk diagihkan ke kawasan sekitarnya.<sup>13</sup> Kapal-kapal Melayu dari segi saiz adalah kecil dan tidak melebihi 20 tan dan anak kapalnya adalah antara 5-10 orang. Barang yang dibawa oleh pedagang Melayu ke Melaka ialah beras, sagu, minyak kelapa, ikan kering, telur ikan masin, gambir, arak dan kain.<sup>14</sup>

Walaupun terdapat dua tafsiran yang berbeza, satu hal yang nyata kehadiran Belanda telah menjejas dan mengurangkan aktiviti perdagang Melayu Nusantara di Melaka. Menurut Abdul Maulud Yusof,

"The magnitude of the Nusantara commerce conducted by Malays began to dwindle gradually when the more powerful European commercial and religious expansionists movements infiltrated the Malay world. Slowly but effectively, Malay Society in the Nusantara areas were pushed into the hinterland of these trading areas; the indigenous people were compelled to work on the land".<sup>15</sup>

### **Perdagangan Melaka Zaman Belanda**

Pada tahun-tahun 1780-an dan 1790-an, Melaka tetap muncul sebagai pusat perdagangan yang utama di Selat Melaka. Pada tahap awal penguasaan Pulau Pinang oleh British, dilaporkan sebanyak 300 kapal dari pelbagai kawasan Asia mengunjungi Melaka setiap tahun. Kehadiran kapal-kapal ini dipengaruhi oleh tiupan angin dan monson. Bulan Jun-September dan November- Disember menyaksikan kedatangan ramai pedagang di Melaka. Kapal-kapal dagang dari Amoi dan Macao tiba antara November-Mac; kapal-kapal dari Bombay antara Julai-September; sementara dari Bengal pula antara Mac-Ogos.<sup>16</sup>

Pedagang Melayu dari Jawa tiba dalam bilangan yang besar antara bulan Ogos-November sementara pedagang dari Riau, Siak, Selangor, Kedah, Pulau Pinang, Batubara, Rokan dan Asahan datang sepanjang tahun dan tidak dipengaruhi oleh angin dan monsun.<sup>17</sup>

Pedagang yang berdagang di Melaka datang dalam kapal yang berbagai saiz dan terdiri daripada pelbagai jenis. Kapal paling besar dimiliki oleh pedagang British yang mewakili Syarikat Hindia Timur Inggeris. Kapal dagang dari Asia yang bersaiz besar adalah milik pedagang Cina dari China dan Jawa. Pedagang Melayu yang sebahagian besarnya datang dari Sumatra dan Kepulauan Melayu adalah dalam kapal yang pelbagai saiz dan yang paling popular ialah balo, banting, kakap, pencalang dan pencacap. Pedagang Bugis yang datang dari Riau dan Selangor menggunakan paduwakang dan pencalang.<sup>18</sup> Pedagang Melayu mewakili 42% keseluruhan pedagang yang singgah di Melaka antara 1780-1787 dan 37% antara 1789-1793. Pedagang Bugis mewakili 14% antara 1780-1782 dan 10% antara 1789-1793. Pedagang tempatan Melaka pula terdiri daripada pedagang Melayu Melaka dan mereka mewakili 12% antara 1780-1782 dan 7% antara 1791-1793.<sup>19</sup>

Peranan yang dimainkan oleh pedagang tempatan dalam perdagangan jarak dekat disamping kehadiran pedagang asing di Melaka menunjukkan mereka telah kekal sebagai satu komponen penting dalam perdagangan Asia Tenggara. Dalam memahami aktiviti pedagang di Melaka, ada baiknya diperinci barang yang diperdagangkan di Melaka. Majoriti pedagang Melayu datang dari Sumatera dan barang yang dibawa terdiri dari rotan dan barang makanan seperti sagu dan beras. Barang yang dibawa dari Melaka ke Sumatera ialah kain India, garam dan tembakau Jawa. Pedagang Bugis pula membawa kain dan ada kalanya tanpa sebarang barang dan membeli kain India di Melaka.<sup>20</sup>

Antara pedagang yang kaya di Melaka ialah mereka yang belayar melepas Kepulauan Melayu dan sebahagian besarnya ke India, pelabuhan-pelabuhan di Burma, Jawa dan Sumatera. Pedagang Melayu yang kaya di Melaka hanya terdiri dari dua orang iaitu, Malim Muda dan Brahim dan kapal yang digunakan ialah chialoup dan pencalang. Jalinan perdagangan pula adalah antara Semarang - Melaka dan Asahan - Melaka.<sup>21</sup>

Dengan penguasaan Pulau Pinang dan pengisytiharannya sebagai pelabuhan bebas, pedagang Melayu telah meninggalkan Melaka dan berpindah ke Pulau Pinang. Pada 1810 import Melaka hanya bernilai 973,00 dolar Sepanyol sementara Pulau Pinang pula 2 Juta dolar. Menjelang 1826, hanya 6 kapal dagang British singgah di Melaka berbanding 51 pada 1780.<sup>22</sup>

**Jadual Menunjukkan Rangkaian Perdagangan Melaka dan Nilai Import dan Eksport, 1828-1829**

Pelabuhan	Import (Dolar Sepanyol)	Peratus	Eksport (Dolar Sepanyol)	Peratus
Pelabuhan tempatan	124,987.73	24.5	224,846.67	67.2
Madras	115,302.2	22.6	25,404.316	7.6
Jawa	63,236.94	12.4	30,348.8	9.1
Calcutta	53,76.94	10.5	8,224.52	2.5
Siam	66,833.74	13.1	-	-
England	46,353.05	9.1	-	-
Deli	7,642.20	1.5	4,555.06	1.4
Kedah	3,295.69	0.6	-	-
Aceh	10,200.04	2.0	7,086.919	2.1
Ceylon	3,172.39	0.6	-	-
Bombay	639.95	0.1	1,217.27	0.4
China	15,285.83	3.0	30,608.66	9.2
<b>Jumlah</b>	<b>510,325.97</b>	<b>100.0</b>	<b>332,294.2</b>	<b>100.0</b>

Sumber: Straits Settlements Factory Records, Vol. 162 memetik dari Nordin Hussin: Nordin Husin, *Trade and Society in the Straits of Melaka, Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*, Copenhagen: NIAS Press, 2007, hlm. 47.

Jelaslah bahawa pada tahun-tahun awal perkembangan Pulau Pinang sebagai pelabuhan bebas, Melaka tetap menarik pedagang dari Kepulauan Melayu dan Asia. Pedagang Melayu pada waktu ini masih dapat bersaing dengan pedagang-pedagang asing dan telah mempunyai kedudukan yang dominan dalam rangkaian perdagangan Asia. Nasib mereka hanya terjejas pada awal abad ke 19 dengan kepesatan perkembangan perdagangan Pulau Pinang dan Singapura.

## Penguasaan Pulau Pinang oleh Francis Light dan Kesan Ke Atas Kegiatan Perdagangan Melayu Melaka

Dasar monopoli yang diamalkan oleh Belanda menyebabkan pedagang tempatan, khususnya pedagang Melayu menantikan kehadiran satu kuasa baru yang akan menghidupkan kembali zaman kegemilangan budaya perdagangan bebas di Kepulauan Melayu. Peluang itu muncul dalam rupa kegiatan pedagang British. Francis Light adalah seorang pedagang negeri yang telah menguasai Pulau Pinang pada 1786 dan mengisytiharkannya sebagai pelabuhan bebas. Dasar Light adalah selepas membaca aktiviti Belanda di Kepulauan Melayu. Apabila Belanda menguasai penempatan-penempatan di negeri-negeri Melayu, mereka menguatkusakan dasar monopoli dan ini meninggalkan kesan yang buruk kepada perdagangan di negeri-negeri ini. Para pedagang tidak lagi gemar untuk mengunjungi kawasan ini dan ini menjadi salah satu sebab mengapa kegiatan perlanunyan berkembang di perairan Melayu. Oleh kerana cara hidup penduduk di negeri-negeri ini dirosakkan oleh Belanda, maka mereka mula menjadi lanun untuk membalas dendam terhadap tindakan Belanda.

Francis Light juga sedar akan bahaya yang dihadapi oleh pedagang-pedagang tempatan di Kepulauan Melayu dan Selat Melaka pada penghujung abad ke-18. Menurutnya, pedagang-pedagang Melayu telah melalui pelbagai risiko yang besar untuk membawa barang mereka ke Pulau Pinang. Mereka terpaksa melawan arahan Belanda dan sekatan Raja-raja Melayu. Oleh yang demikian segala galakan perlu diberikan untuk menarik mereka ke Pulau Pinang.<sup>23</sup> Antaranya termasuklah kebebasan pelabuhan, jaminan keselamatan, kemudahan beristirehat, kebebasan trafik dan layanan yang baik.<sup>24</sup> Tambahan pula melalui dasar tidak mengenakan cukai diharapkan perdagangan tidak berpindah ke tanah besar yang terletak di luar kawalan Syarikat Hindia Timur Inggeris dan merupakan sarang lanun.<sup>25</sup>

Rancangan tidak mengenakan cukai juga merupakan penyelesaian kepada membiaknya kegiatan lanun dan penyeludupan di Kepulauan Melayu. Kegiatan penyeludupan dikatakan menjadi di Kepulauan Melayu khususnya di Selat Melaka apabila duti dikenakan ke atas perdagangan oleh kuasa-kuasa lain. Kegiatan penyeludupan berlaku dengan tujuan untuk menjual barang berkenaan dalam kos yang rendah di kawasan lain. Dasar-dasar sekatan juga menyebabkan pembesar-pembesar tempatan memberontak dan pedagang tempatan lari ke kawasan-kawasan lain untuk menjual hasil mereka.<sup>26</sup>

Dengan menganjurkan dasar perdagangan bebas di Kepulauan Melayu, Light berjaya mencapai beberapa matlamat penting. Pertama ia telah menggalakkan orang Melayu membuat pelayaran yang lebih menguntungkan tanpa halangan. Untuk setiap barang yang dibawa, ia mempunyai pembeli. Sementara itu hasil dari negeri-negeri sekitar Pulau Pinang telah mendapat permintaan yang tinggi. Barang tersebut termasuklah bijih timah, emas, perak, beras, lada hitam, damar, rotan, minyak, gading dan lain-lain. Sebelum pembukaan Pulau Pinang, hasil-hasil ini tidak diendahkan dan penduduk di sini juga tidak tahu ke mana untuk menjual hasil-hasil tersebut. Kini mereka telah membawa barang mereka ke Pulau Pinang dan mendapatkan hasil tanah mereka mempunyai nilai.<sup>27</sup>

Penguasaan Pulau Pinang menyaksikan Melaka kini berperanan sebagai *feeder port* (pelabuhan yang mengumpul hasil dari negeri sekitar) untuk dihantar ke Pulau Pinang. Peranan ini telah dimainkan dengan jayanya oleh pedagang-pedagang Melayu yang menyambut baik tindakan British memajukan Pulau Pinang sebagai sebuah pelabuhan bebas. Menurut Barbara Watson Andaya,

"Within a year of P.Pinang's establishment, every Malay ruler of importance had written to the Superintendent, Francis Light, and the eventual triumph of the English was merely a matter of time".<sup>28</sup>

### **Ekonomi Melayu Melaka Pada Zaman Pemerintahan British, 1795 -1914**

Pemerintahan British di Melaka berlangsung antara 1795 – 1957 (terdapat dua tahap waktu ia dikuasai oleh kuasa lain, Belanda antara 1818-1825 dan Jepun antara 1942-1945). Di bawah surat-surat Kew 1795, Belanda menyerahkan penjagaan Melaka kepada British untuk sementara waktu. Pada waktu ini penduduk Melaka tidak melebihi 20,000 orang dan perdagangannya tidak begitu maju. Sebahagian besar daripada orang Melayu menetap di kawasan pedalaman.<sup>29</sup> Penduduk Melayu di bandar pula kebanyakannya menetap di Bandar Hilir. Sebilangannya adalah Haji yang kaya tetapi sebahagian besar adalah pelayar dan peniaga kecil.<sup>30</sup> Keadaan ini menyebabkan orang Melayu mula menumpukan perhatian kepada kegiatan pertanian.<sup>31</sup>

Pada waktu ini perdagangan Melaka secara keseluruhan adalah dengan kawasan pedalaman Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera. Sepanjang abad ke 19, Melaka hanya menguasai 5% dari keseluruhan perdagangan Negeri-negeri Selat. Jumlah ini jatuh kepada 2% pada awal abad ke-20.<sup>32</sup> Bijih timah adalah hasil utama

yang dibawa ke Melaka dalam kuantiti yang besar sepanjang abad ke-19. Antara barang yang dieksport oleh Melaka pada zaman British ialah serbuk emas (dari kawasan pedalaman Semenanjung Tanah Melayu dan Sumatera) dan bijih timah (dari kawasan perlombongan Selangor dan Negeri Sembilan). Importnya pula terdiri daripada besi, beras, sagu, minyak, candu, dan kain kapas India, Eropah dan China.<sup>33</sup>

Sebelum abad ke-19, Melaka bergantung kepada bekalan beras dan bahan makanan lain dari luar untuk menampung penduduknya yang sebahagian besar adalah penduduk bandar. Bekalan beras ini selalunya dihantar untuk keperluan pekerja di kawasan lombong. Pada abad ke-19, lebih banyak tanah dibuka untuk menanam padi. Tanah-tanah disekitar Melaka ditanam dengan padi, kelapa, sagu, sayur-sayuran dan buah-buahan yang dieksport ke Singapura. Melaka berjaya mengurangkan import beras dan minyak kelapa. Menjelang 1835, Melaka menghasilkan 2/3 daripada padi yang diperlukan untuk kegunaannya.<sup>34</sup> Kawasan yang diusahakan dengan hasil pertanian pula meningkat dari 15,000 ekar pada 1828 kepada 75,000 ekar pada 1856.<sup>35</sup> Pada waktu ini orang Melayu juga telah terlibat dalam perlombongan bijih timah.

Selain daripada padi, tanaman lain yang diusahakan di Melaka ialah lada hitam, ubi kayu, gambir dan getah.<sup>36</sup> Ubi kayu menjadi penting pada tahun-tahun 1850-an dan menjadi aktiviti utama sehingga 1880-an. Pada 1871 ubikayu mewakili nilai eksport Melaka sebanyak 24% dan ia meningkat kepada 62% pada 1899. Gambir dan lada hitam menjadi tanaman utama pada tahun-tahun 1880-an. Pada 1899, gambir menyumbangkan 5% daripada eksport Melaka dan lada hitam pula sebanyak 2%.<sup>37</sup>

Kemajuan tanaman ubi kayu menyebabkan sesetengah tanah milik orang Melayu diambil oleh British untuk mengusahakan tanaman ini. Orang Melayu yang mendapat sewa dari penyerahan tanah ini mula membeli padi dan tidak lagi menanam padi. Orang Melayu juga diambil sebagai pekerja bergaji dalam industri ubi kayu. Pekerjaan utama mereka ialah membuka hutan dan mengumpul kayu api untuk digunakan dalam kilang memproses ubi kayu.<sup>38</sup>

Munsyi Ibrahim, anak Munsyi Abdullah telah memberikan gambaran tentang kegiatan ekonomi orang Melayu di Melaka pada zaman pemerintahan British. Menurut beliau,

*"All the Malays in Melaka earn their livelihood by working with their hands and sweat, planting and gardening; they have orchards and rice fields and grow all kinds of tuberous plants, vegetables, betel vines, sugar cane, bananas and the like. Every*

day each goes to the Melaka market bringing along his produce to be sold and in return buys all the household necessities which he carries back to his home".<sup>39</sup>

Amat jelas pada zaman awal pemerintahan British, orang Melayu terlibat dalam perdagangan dan aktiviti tanaman komersil seperti lada hitam, gambir, ubi kayu, tebu dan buah-buahan. Hasil pertanian ini pula dijual untuk keuntungan.

Pada awal abad ke-20 terdapat kecenderungan untuk orang Melayu Melaka terlibat dalam tanaman komersil seperti getah yang membawa keuntungan. Perkembangan ini telah mengurangkan minat orang Melayu untuk menanam padi dan keluasan kawasan yang ditanam dengan padi juga telah berkurangan. Pada 1911 dan 1912, Residen Melaka telah menyeru orang Melayu menanam padi dan meninggalkan kegiatan tanaman getah yang menguntungkan. Ia menampakkan niat buruk British. Menurut Residen Melaka, "*It would be a very good thing if native holders could be persuaded to plant more fruit trees instead of rubber, rubber and more rubber*".<sup>40</sup> Orang Melayu juga tidak senang dengan dasar British yang memberikan upah yang rendah kepada mereka berbanding dengan buruh Cina.<sup>41</sup>

Niat buruk British tidak berjaya, Orang Melayu telah terus terlibat dalam tanaman getah. Pada awal abad ke-20, getah menjadi eksport utama dari Melaka.<sup>42</sup> Sebelum Perang Dunia Ke-II, Melaka mengeksport getah berjumlah 70,000 tan setahun dan sebahagian daripada getah ini adalah daripada estet dan pengusaha kecil yang rata-rata terdiri daripada orang Melayu.<sup>43</sup>

### Rumusan

Amatlah jelas, penduduk Melayu Melaka telah memainkan peranan penting dalam ekonomi Melaka sejak zaman sebelum kedatangan kuasa-kuasa Barat. Peranan mereka menonjol dalam bidang perdagangan dengan pembukaan dan perkembangan Melaka sebagai pelabuhan entrepot terkemuka di bawah pemerintah-pemerintah Melayu. Kegemilangan ini merosot dengan penguasaan pelabuhan Melaka oleh kuasa Portugis dan Belanda. Walaupun orang Melayu masih terlibat dalam perdagangan tetapi peranan mereka tidak menonjol disebabkan tamatnya budaya perdagangan bebas di Selat Melaka. Budaya ini dihidupkan semula apabila British menguasai Pulau Pinang dan mengisytiharkannya sebagai pelabuhan bebas. Melaka kini berperanan sebagai pelabuhan yang mengumpul hasil dari negeri-negeri sekitar (*feederport*) untuk diantar ke Pulau Pinang.

Antara 1800-1914, aktiviti ekonomi orang Melayu lebih tertumpu kepada penanaman padi, ubikayu, getah dan sedikit dalam perlombongan bijih timah. Dengan pengenalan tanaman komersil di Negeri-negeri Melayu pada pertengahan abad ke-19 dan awal abad ke-20, orang Melayu Melaka telah mengambil ikhtiar untuk terlibat dalam aktiviti ini tetapi ia tidak digalakkan oleh British. Namun begitu penduduk Melaka tetap mengusahakan tanaman getah dan menyumbang dalam pengeluaran getah negeri Melaka sehingga Perang Dunia kedua.

## Nota

- <sup>1</sup> Barbara Watson Andaya dan Leonard Y. Andaya, *A History of Malaysia*, London: Macmillan Press Ltd., 1982, hlm. 3.
- <sup>2</sup> Muhammad Yusof Hashim, *Kesultanan Melayu Melaka*, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka, 1990, hlm. 275.
- <sup>3</sup> Abdul Maulud Yusof, "Commerce and Social Change Among Nusantara Malays", *Malaysia in History*, Jil. 23, 1980, hlm. 113.
- <sup>4</sup> K.R.Hall, *Maritime Trade and State Development in Early South East Asia*, Honolulu: University of Hawaii Press, 1985, hlm. 226.
- <sup>5</sup> Ibid., hlm. 227.
- <sup>6</sup> A.Reid, "An Age of Commerce in South East Asian History", *MAS*, Jil. 24, Bil. 1, 1990, hlm. 2.
- <sup>7</sup> M.A. Meilink-Roelofsz, *Asian Trade and European Influence in the Indonesian Archipelago Between 1500 and about 1630*, Hague: Martinus Nijhoff, 1969, hlm. 40-45.
- <sup>8</sup> Raffles Collection, selanjutnya RC, Vol. 11:195-209; Vol. 15:289-91. Rujuk juga C.S.Blundell, "Notices of the History and Present Condition of Malacca", *JIA*, Jil. 2, 1848, hlm. 726-54 dan D.Lewis, "The Dutch East India Company and the Straits of Malacca 1700-1784: Trade and Politics in the Eighteenth Century", Tesis Ph.D., Australian National University, 1970, hlm. 6-7.
- <sup>9</sup> S. Arasaratnam, "Some Notes on the Dutch in Malacca and the Indo-Malayan Trade, 1641-1670", *Journal of South East Asian History*, Jilid. 10, No. 3, 1969, hlm. 481-484.
- <sup>10</sup> Barbara Watson Andaya, "Melaka under the Dutch, 1641-1795", dalam K.S.Sandhu dan P.Wheatley, *Melaka. The Transformation of a Malay Capital, C 1400-1980*, Kuala Lumpur: Oxford University Press, 1983, hlm. 208.
- <sup>11</sup> Ibid.
- <sup>12</sup> Ibid.
- <sup>13</sup> Ahmad Jelani Halimi, "Perdagangan dan Perkapalan Melayu dengan Melaka Sekitar Separuh Kedua Abad Ke-18", dalam *Malaysian History from Dutch Sources*, Kuala Lumpur: National Archives of Malaysia, 2004, hlm. 51.
- <sup>14</sup> Ibid., hlm. 61.
- <sup>15</sup> Abdul Maulud Yusof, "Commerce and Social Change Among Nusantara Malays", hlm. 114.
- <sup>16</sup> Nordin Husin, *Trade and Society in the Straits of Melaka, Dutch Melaka and English Penang, 1780-1830*, Copenhagen: NIAS Press, 2007, hlm. 36.
- <sup>17</sup> Ibid.
- <sup>18</sup> Ibid., hlm.37.
- <sup>19</sup> Ibid., hlm. 38.
- <sup>20</sup> Ibid., hlm. 41.

- <sup>21</sup> Ibid., hlm.44.
- <sup>22</sup> Ibid., hlm. 47.
- <sup>23</sup> SSR(IOL), Vol. 3, f.62.
- <sup>24</sup> C. E. Wurtzburg, *Raffles of the Eastern Isles*, London: Hodder and Stoughton, 1954, hlm.115.
- <sup>25</sup> F.G.Steven, "A Contribution to the Early History of Prince of Wales Island", JMBRAS, Jil. 7, Bil. 3, 1929, hlm. 383.
- <sup>26</sup> Surat Kapten Light kepada GabenorJeneral India, Lord Cornwallis 20 Jun, 1788, dipetik daripada Wurtzburg, *Raffles of the Eastern Isles*, hlm.117.
- <sup>27</sup> SSR(IOL), Vol. 4, ff. 1-6.
- <sup>28</sup> Barbara Watson Andaya, "Melaka under the Dutch, 1641-1795", dalam K.S Sandhu, dan P.Wheatley, *Melaka, The Transformation of a Malay Capital*, hlm. 233.
- <sup>29</sup> C.M. Turnbull, "Melaka under British Colonial Rule", dalam K.S.Sandhu dan P.Wheatley, *Melaka, The Transformation of a Malay Capital*, hlm. 254.
- <sup>30</sup> Ibid., hlm. 255.
- <sup>31</sup> Ibid., hlm. 242.
- <sup>32</sup> "After an interim British occupation from 1795 to 1814, Melaka became a permanent British possession through its exchange for Bencoolen in 1824. Melaka 's commerce was again eroded by the growth of competing ports, this time located much closer to it: P.Pinang (founded in 1786) commanding the northern end of the Melaka Straits, Singapore (1819) commanding the southern entrance to the Straits and the South China Sea, and Riau, a free port founded in 1818 by the Dutch in the islands close to Singapore. Riau proved an unsuccessful venture, but P.Pinang and Singapore grew by assuming the same role that Melaka had played earlier, namely that of entrepot centres facilitating exchange of products of east and west, increasingly an exchange of raw materials and foodstuff produced in Asia for manufactured goods produced in Europe. Melaka was caught between these two vigorous ports and was never able to regain a leading role in the seaborne commerce of Southeast Asia", George Cho and Marion W.Ward, "The Port of Melaka" dalam K.S.Sandhu dan P.Wheatley, *Melaka, The Transformation of a Malay Capital*, hlm. 626-627.
- <sup>33</sup> T.J. Newbold, *British Settlements in the Straits of Malacca*, hlm 145 dalam K.S.Sandhu dan P.Wheatley, *Melaka, The Transformation of a Malay Capital*, hlm. 626.
- <sup>34</sup> C.M. Turnbull, "Melaka under British Colonial Rule", dalam K.S.Sandhu dan P.Wheatley, *Melaka, The Transformation of a Malay Capital*, hlm. 251.
- <sup>35</sup> Ibid.
- <sup>36</sup> J.C. Jackson, *Planters and Speculators*, Kuala Lumpur, University of Malaya Press, hlm. 31.
- <sup>37</sup> Ronald D.Hill, "The History of Rice Cultivation in Melaka", dalam K.S.Sandhu dan P.Wheatley, *Melaka, The Transformation of a Malay Capital*, hlm. 550.

<sup>38</sup> Ibid.

<sup>39</sup> Khoo Kay Kim, Abdul Aziz Mat Ton dan Baharam Azit, "Melaka's Malay Society in Modern Times", dalam K.S.Sandhu dan P.Wheatley, *Melaka, The Transformation of a Malay Capital*, hlm. 73.

<sup>40</sup> Ronald D.Hill, "The History of Rice Cultivation in Melaka", dalam K.S.Sandhu dan P.Wheatley, *Melaka, The Transformation of a Malay Capital*, hlm. 550.

<sup>41</sup> "Many Malays ... were annoyed at the differential rates between their race and Chinese and would not accept the argument that the Chinese being foreigners and living better required a better wage. Their places soon filled by displaced Chinese labourers. By the end of [1913] quite a number of Malays had returned to tapping again [after the Malacca Planters' Association had set Malay and tamil wages at 40 cents per day compared with 60 cents for Chinese and simultaneously raised the daily tapping task to 400 trees]." Ronald D.Hill, "The History of Rice Cultivation in Melaka, hlm. 550.

<sup>42</sup> J.C. Jackson, *Planters and Speculators*, hlm. 48-51.

<sup>43</sup> George Cho and Marion W.Ward, "The Port of Melaka" dalam K.S.Sandhu dan P.Wheatley, *Melaka, The Transformation of a Malay Capital*, hlm. 629 memetik daripada D.F.Allen, *Report on the Major Ports of Malaya*, Kuala Lumpur: Government Printing Office, 1951.